

NO. SOALAN: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN
IBRAHIM**

RUJUKAN : 9726

SOALAN:

Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Bin Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setelah program Enforcement Kad dilaksanakan adakah operasi bersepadu secara holistik bagi membanteras isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ini diteruskan dan berikan statistik jumlah tangkapan berbanding jumlah keseluruhan PATI yang ada di negara ini dari tahun 2015 sehingga kini.

JAWAPAN:

Sepanjang pelaksanaan Program E-Kad yang bermula dari 15 Februari 2017 hingga 30 Jun 2017, Jabatan Imigresen sentiasa meneruskan operasi penguatkuasaan bagi membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) selaras dengan slogan 'Hari-Hari Operasi'.

Bagi tahun 2015, sebanyak 10,469 operasi telah dijalankan dan seramai 59,734 orang PATI telah ditangkap. Manakala bagi tahun 2016, sebanyak 10,949 operasi telah dijalankan dan seramai 49,496 orang PATI telah ditangkap. Sehingga 23 Mac 2017, sebanyak 3,672 operasi telah dijalankan dan seramai 11,378 orang PATI telah ditangkap.